**Buku Teks Pendidikan Seni Visual Tingkatan 1** ini ditulis berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Seni Visual Tingkatan 1. Kandungan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Pendidikan Seni Visual terbahagi kepada tiga bidang utama pembelajaran, iaitu Sejarah dan Apresiasi Seni Visual, Bahasa Seni Visual dan Pemikiran Seni Visual. Tajuk di bawah setiap bidang tersebut adalah seperti berikut:

| Bidang | Tajuk |
|---|---|
| **Sejarah dan Apresiasi Seni Visual** | 1. Perkembangan Seni Visual di Malaysia |
| **Bahasa Seni Visual** | 2. Garisan<br>3. Rupa<br>4. Bentuk<br>5. Jalinan<br>6. Ruang<br>7. Warna<br>8. Harmoni<br>9. Kontra<br>10. Penegasan<br>11. Kepelbagaian<br>12. Imbangan<br>13. Kesatuan<br>14. Irama dan Pergerakan |
| **Pemikiran Seni Visual** | 15. Tajuk dan Mesej<br>16. Motif, Idea dan Konsep<br>17. Designomic |

## BIODATA PENULIS

### DR. MAZLAN HJ. A. KARIM

Berkelulusan Diploma Pendidikan (PSV dan PJK) dari Universiti Teknologi Malaysia, Ijazah Sarjana Muda Seni Lukis dan Seni Reka (Seni Halus), Seni Cetak dan Catan dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) serta Ijazah Sarjana (Seni Halus) Seni Cetak dan Doktor Falsafah dalam bidang yang sama dari Universiti Sains Malaysia (USM). Beliau berpengalaman sebagai Pensyarah Akademik selama 11 tahun, sejak tahun 2005.

### SYED RUKAIDAR BIN SYED ISA AL-IDROES

Mendapat latihan dalam bidang Sains Pertanian dari Maktab Perguruan Temenggong Ibrahim (MPTI) dan berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Seni Halus di Universiti Teknologi MARA (UiTM). Beliau berpengalaman mengajar mata pelajaran Seni Halus selama 38 tahun, sejak tahun 1978.

**FARIDAH BINTI IBRAHIM**

Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dalam bidang Bahasa Malaysia dari Universiti Pertanian Malaysia (UPM) dan Diploma Perguruan dalam bidang Pendidikan Seni dan Bahasa Melayu dari Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI). Beliau berpengalaman mengajar mata pelajaran Pendidikan Seni Visual selama 30 tahun, sejak tahun 1986.

**MAT ARIS BIN SURADI**

Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Sastera dalam bidang Seni Halus dari Universiti Sains Malaysia (USM) dan Diploma Perguruan dalam bidang Pengajian Melayu dan Pendidikan Seni dari Maktab Perguruan Ilmu Khas (MPIK). Beliau berpengalaman mengajar mata pelajaran Pendidikan Seni Visual selama 34 tahun, sejak tahun 1982.

**MOHAMAD YAZID BIN ROSLAN**

Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Seni Lukis dan Seni Reka dalam bidang Seni Reka Logam Halus dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Diploma Pendidikan dalam bidang Pendidikan Seni Visual dari Institut Perguruan Raja Melewar. Beliau berpengalaman mengajar mata pelajaran Pendidikan Seni Visual selama 8 tahun, sejak tahun 2008.

**ZULKIFLI BIN JAMIL**

Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Kepujian) Pendidikan Seni dan Seni Reka dalam bidang Pendidikan Seni Visual dan Multimedia Interaktif dari Universiti Teknologi MARA (UiTM). Beliau berpengalaman mengajar mata pelajaran Pendidikan Seni Visual selama 9 tahun, sejak tahun 2007.

Ingin dimaklumkan terdapat beberapa kandungan dalam QR Code dalam buku ini tak dapat diakses kerana **Google+** sudah tidak aktif lagi. Pengguna boleh mengimbas QR Code ini untuk melihat kandungan QR Code halaman berkenaan.

http://bit.ly/3keAPII